

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI CIDB

1. PENGENALAN

- 1.1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) komited untuk melindungi data peribadi anda termasuk data peribadi sensitif menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Selaras dengan Prinsip Notis dan Pilihan, CIDB dengan ini menyediakan Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini untuk memaklumkan anda bagaimana CIDB memproses data peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang kami ambil untuk memastikan data peribadi anda dilindungi sebaiknya.
- 1.2. Dengan melanggan produk dan perkhidmatan CIDB, anda bersetuju untuk memberikan persetujuan bagi CIDB memproses data peribadi anda dan anda bersetuju bahawa anda telah memahami Notis ini.
- 1.3. Apabila anda memberikan data peribadi atau maklumat tentang orang lain, anda mengesahkan bahawa anda diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak mereka, untuk bersetuju bagi pemrosesan data peribadi mereka dan menerima Notis ini bagi pihak mereka.
- 1.4. Notis ini terpakai kepada data peribadi yang telah diproses sebelum dan selepas Notis ini dikeluarkan.

2. PENGUMPULAN

- 2.1. Data peribadi yang kami kumpulkan mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada) perkara-perkara berikut:
 - 2.1.1 Butiran pengenalan diri seperti nama, nombor kad pengenalan/ nombor pasport/ nombor polis/ nombor tentera, bangsa, asal-usul, etnik, jantina, kewarganegaraan, nombor pendaftaran KWSP/ PERKESO, tarikh lahir, gambar, nombor sijil kelahiran dan umur;
 - 2.1.2 Butiran untuk dihubungi seperti alamat, nombor telefon & alamat e-mel;
 - 2.1.3 Butiran pekerjaan seperti nama majikan, butiran syarikat, status pekerjaan, sejarah pekerjaan, nombor pengenalan fail cukai, gaji, slip gaji dan resume;
 - 2.1.4 Maklumat perbankan seperti nama bank dan nombor akaun bank;
 - 2.1.5 Data peribadi sensitif seperti maklumat kesihatan, perubatan dan agama;
 - 2.1.6 Maklumat biometrik seperti cap jari, tandatangan & tandatangan elektronik; Alamat IP (nama pengguna/ pengenalan ahli/ pengenalan log masuk);

- 2.1.7 Kuki; dan
- 2.1.8 Maklumat lain yang berkaitan yang membolehkan kami menjalankan fungsi-fungsi CIDB yang ditetapkan.

3. SUMBER PENGUMPULAN

- 3.1 Kami mendapatkan data peribadi anda daripada sumber-sumber berikut:
 - 3.1.1. Maklumat dan/ atau dokumen yang didaftarkan atau dikemukakan oleh anda;
 - 3.1.2. Maklumat dan/ atau dokumen yang didaftarkan atau dikemukakan kepada CIDB oleh majikan (sekiranya perlu dan berkaitan);
 - 3.1.3. Maklumat dan/ atau dokumen yang dikemukakan kepada CIDB oleh anda atau pihak ketiga yang diberi kuasa oleh anda (sekiranya perlu dan berkaitan);
 - 3.1.4. Biometrik, jejak kaki digital, geolokasi, imej video dan rakaman suara yang diperoleh semasa interaksi, sama ada secara fizikal atau melalui saluran digital;
 - 3.1.5. Pengumpulan data daripada sumber luaran yang sah dan umum seperti media sosial, forum perbincangan, laman web, saluran dalam talian lain, tinjauan, soal selidik dan borang-borang, data dikongsi dan dikeluarkan oleh kerajaan, pihak berkuasa, badan berkanun, badan kawal selia, institusi pendidikan; dan
 - 3.1.6. Laman-laman web/portal/ sebarang platform dalam talian CIDB.
- 3.2 Maklumat dan/ atau dokumen seperti di atas boleh dikumpulkan melalui serahan kendiri, platform dalam talian, aplikasi mudah alih atau melalui telefon, e-mel atau mel biasa, kumpulan fokus, kaji selidik, tinjauan dan temu bual bersemuka serta lain-lain.

4. TUJUAN PENGUMPULAN

- 4.1 Data Peribadi anda mungkin dikumpul, disimpan dan/atau digunakan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dan dalam sebarang bentuk termasuk rakaman audio visual dan gambar-gambar, antara lain, bagi tujuan yang berikut:
 - 4.1.1. Menjalankan fungsi-fungsi kami sepetimana yang ditetapkan dalam Akta 520;
 - 4.1.2. Pentadbiran produk/program/ perkhidmatan di bawah Akta dan Peraturan CIDB;
 - 4.1.3. Pendaftaran, permohonan dan/ atau sebarang transaksi berkaitan di bawah Akta dan Peraturan CIDB;

- 4.1.4. Aktiviti secara langsung atau tidak langsung berkaitan CIDB dalam menjalankan fungsinya;
- 4.1.5. Menghubungi anda, sebarang komunikasi termasuk penyampaian notis atau surat kepada anda;
- 4.1.6. Memenuhi apa-apa keperluan undang-undang atau peraturan, termasuk mematuhi apa-apa undang-undang dan/ atau perintah-perintah Mahkamah dan pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang, garis panduan, pekeliling atau kod;
- 4.1.7. Aktiviti teknologi maklumat termasuklah untuk mengoperasi laman-laman web kami, portal-portal, aplikasi-aplikasi dan perisian teknologi maklumat (termasuk koleksi alamat protokol internet dan *cookies*) termasuk semua aktiviti berkaitan dengan internet;
- 4.1.8. Aktiviti pemasaran dan promosi;
- 4.1.9. Statistik dan pelaporan CIDB dan atau untuk badan-badan Kerajaan Persekutuan atau negeri badan berkuasa yang berkaitan; dan
- 4.1.10. Menjalankan pemeriksaan latar belakang sebagaimana yang diperlukan atau sesuai.

5. PENZAHIRAN

- 5.1 Data peribadi yang kami simpan akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, untuk CIDB menjalankan fungsi-fungsinya dan perkhidmatannya dengan berkesan dan tertakluk kepada undang-undang pada setiap masa (termasuk peraturan, arahan pentadbiran dan garis panduan), data peribadi anda mungkin dizahirkan atau dikongsi kepada pihak-pihak berikut:
 - 5.1.1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, sebagaimana yang dibenarkan dan dikehendaki oleh undang-undang;
 - 5.1.2. Agensi penguatkuasaan, badan kawal selia dan agensi-agensi kerajaan, seperti yang dibenarkan dan dikehendaki oleh undang-undang;
 - 5.1.3. Anak syarikat, sekutu CIDB dan atau Pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa oleh CIDB yang telah memeterai perjanjian kontrak untuk menjalankan beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti kami. Pihak yang berkontrak dikehendaki mematuhi piawaian privasi yang sama seperti CIDB dan tertakluk kepada PDPA;
 - 5.1.4. Rakan kongsi strategik yang mempunyai hubungan dengan CIDB dalam menjalankan fungsi, produk dan perkhidmatan CIDB. Pihak yang berkontrak dikehendaki mematuhi piawaian privasi yang sama seperti CIDB dan tertakluk kepada PDPA; dan
 - 5.1.5. Pihak yang diberi kuasa dan dipersetujui oleh anda.

6. LANGKAH KESELAMATAN

- 6.1 Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda yang disimpan oleh kami dilindungi daripada sebarang kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan.
- 6.2 Jika CIDB menzahirkan sebarang data peribadi kepada pihak yang diberi kuasa, mereka dikehendaki melindungi data peribadi yang diberikan kepada mereka dengan sewajarnya.
- 6.3 Laman-laman web kami mungkin mempunyai pautan kepada laman-laman web lain yang dikawal oleh pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi laman-laman web yang lain tersebut. Kami juga tidak bertanggungjawab terhadap bagaimana syarikat-syarikat atau organisasi-organisasi yang lain ini mengumpul, mengguna, menzahir, atau melindungi maklumat yang anda beri kepada mereka.
- 6.4 Notis ini hanya terpakai secara khusus kepada maklumat yang dikumpul oleh laman-laman web atau mana-mana saluran yang dikawal selia oleh kami. Jika anda memilih untuk mengakses laman web pihak ketiga yang dipautkan kepada laman-laman web kami, anda melakukannya atas risiko anda sendiri dan tertakluk kepada sebarang syarat-syarat perkhidmatan atau polisi privasi (sekiranya ada) yang berkaitan dengan laman-laman web pihak ketiga tersebut.
- 6.5 Anda juga bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda.

7. TEMPOH PENYIMPANAN

- 7.1 Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi mana anda/ syarikat anda masih dan pernah berdaftar sebagai kontraktor/ personel binaan di CIDB dan atau selagi projek/ hasil binaan anda masih lagi didirikan.
- 7.2 Kami juga akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh masa yang lebih lama sekiranya data peribadi tersebut menjadi hal perkara siasatan atau prosiding perundangan atau ianya adalah dijangkakan secara munasabah akan menjadi hal perkara siasatan atau prosiding perundangan, kami akan menyimpan data peribadi tersebut untuk tempoh masa yang lebih lama.

8. HAK ANDA

8.1 Anda berhak untuk:

- 8.1.1 Membetulkan/ mengemaskini data peribadi anda;
- 8.1.2 Mengakses data peribadi anda yang kami simpan; dan
- 8.1.3 Menarik balik persetujuan memproses data peribadi.

9. PENGEMASKINIAN NOTIS PRIVASI CIDB

9.1 Notis ini diterima pakai secara am untuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Walau bagaimana pun, mungkin terdapat keadaan-keadaan dimana notis perlindungan data peribadi lain akan terpakai untuk transaksi yang tertentu. Dalam keadaan-keadaan tersebut, kami akan memaklumkan kepada anda dengan sewajarnya.

9.2 Sila baca terma-terma Notis ini dengan teliti sebelum mengemukakan sebarang data peribadi kepada kami. Dengan mengemukakan data peribadi anda atau dengan menggunakan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami atau dengan berbuat demikian secara berterusan, anda memaklumkan kepada kami bahawa anda memberi izin dan setuju kepada terma-terma dan syarat-syarat Notis ini dan sebarang penyemakan atau pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.

9.3 Jika anda mengemukakan sebarang data peribadi berkenaan orang lain, sebagai contoh, rakan kongsi, penjamin, majikan, suami/isteri atau tanggungan anda, anda memberi jaminan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan individu-individu tersebut untuk mengemukakan data peribadi mereka kepada kami dan mengaku janji untuk menyampaikan sesalinan Notis ini kepada individu-individu tersebut.

9.4 Notis kami mungkin disemak semula atau dipinda dari semasa ke semasa dan sekiranya terdapat apa-apa pindaan, ianya akan dipaparkan di laman-laman web kami atau melalui sebarang cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kami.

9.5 Tiada apa dalam Notis Perlindungan Data Peribadi ini akan menghadkan hak-hak kami di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

10. HUBUNGI CIDB

Sebarang pertanyaan atau permasalahan berkenaan dengan data peribadi termasuk Notis ini boleh dikemukakan, secara bertulis kepada [e-Bantuan | CIDB HQ](#)

11. TARIKH KEMASKINI

Notis Perlindungan Data Peribadi ini terakhir dikemaskini pada 1 Januari 2024.